

# Mahathir rayu wartawan

## guna kuasa

UM 29 NOV 1982

**K**UALA LUMPUR 28 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini merayu supaya kaum wartawan menggunakan kuasa mereka bagi membantu mengikis semua nilai Barat yang negatif termasuk 'dole mentality' yang sudah menguasai sebilangan besar rakyat negara ini.

Perdana Menteri menegaskan: Kerana sistem demokrasi yang diamalkan, 'dole mentality', iaitu sikap di mana kerajaan mesti 'subsidi' (menampung) segala kekurangan, telah meningkat sehingga ketahanan rakyat menjadi lumpuh.

"Kerajaan yang memerintah rakyat yang lemah tidak mungkin menjadi kerajaan yang kuat. Dan kerajaan yang lemah yang memerintah rakyat yang lemah tidak mungkin mewujudkan negara yang kukuh dan kuat," tegasnya.

Beliau berucap kepada kira-kira 500 orang wartawan dan para jemputan di upacara penyampaian anugerah Akhbar Malaysia 1981 di sebuah hotel terkemuka di sini. Timbalannya, Datuk Musa Hitam turut hadir.

Dalam ucapannya yang telah mempesona para hadirin itu Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian mengenai perkara-perkara berikut:-

● Mengingatkan kaum wartawan bahawa kuasa tanpa sikap, bertanggungjawab bermakna anarki ataupun 'dictatorship', tetapi di sebalik itu kuasa amat penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat kerana tanpa kuasa sekali lagi akan muncul keadaan yang anarkis.

● Berpandu kepada pepatah 'mata pena lebih tajam dari pedang' beliau yakin pena kaum wartawan akan ditajamkan dan digunakan untuk membentuk peribadi yang dikehendaki.

"Bukan saja kerajaan akan menganggap saudara-saudara sebagai rakan seperjuangan tetapi rakyat akan berterima kasih akhirnya walaupun mereka tidak akan begitu terhibur dengan tulisan wartawan yang tidak berminat dengan perkara-perkara yang 'sensational', dengan skandal seks dan cerita-cerita dongeng," ujarnya.

● Sambil merayu golongan wartawan yang moden supaya memikirkan semula tentang nilai-nilai baru dari Barat, beliau bertanya: "Apakah sanjungan tinggi orang asing terhadap kita lebih utama dari kejayaan dan ketahanan negara dan bangsa."

"Bagi saya jawapannya mudah. Adalah lebih baik negara dan bangsa kita menjadi kuat dan bahagia dari segala puji-pujian dan tepukan belakang dari orang asing," tegasnya.

● Mengenai dasar memandang ke Timur beliau berkata: "Kerajaan tidak berniat meniru patriotisme bangsa lain sehingga sanggup 'hara-kiri', "tetapi apakah taat setia kepada negara kepada perusahaan yang memberi peluang kepada kita, satu keburukan?"

Perdana Menteri berkata, tidak siapa boleh menyoal bahawa wartawan dan media massa merupakan satu kuasa dalam negara. "Akhbar biasa disebut sebagai 'The Fourth Estate' — demikianlah kedudukan akhbar dalam penentuan nasib sesebuah negara."

Di sebalik itu beliau mengingatkan: Kuasa bermaksud tanggungjawab dan kuasa tanpa tanggungjawab bermakna anarki ataupun 'dictatorship'.

"Siapa yang memiliki kuasa tidak penting. Tanpa sikap bertanggungjawab oleh pihak yang berkuasa, anarki dan 'dictatorship' tetap akan wujud," tegasnya.

Beliau menambah, di sebaliknya, kuasa amatlah penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat kerana tanpa kuasa, sekali lagi akan muncul keadaan yang anarkis.

"Oleh kerana ini kita tidak rasa irihati kerana wartawan dan media massa berkuasa.

"Sebaliknya pihak kerajaan ingin merayu kepada wartawan-wartawan supaya menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk membantu pembangunan negara yang kita cintai ini," jelasnya.

Perdana Menteri menarik perhatian: Kerajaan tidak mempunyai lain niat melainkan untuk menjadikan negara ini negara yang aman dan makmur dengan membawa kebahagiaan kepada semua penduduk.

"Wakil-wakil yang hari ini membentuk kerajaan tidak berniat untuk memperkayakan diri melalui kuasa yang diberi kepada mereka. Tujuan dan matlamat kerajaan ialah semata-mata mengabdikan diri kepada negara dan penduduknya," ujar beliau.

Menyentuh lebih lanjut mengenai 'dole mentality', Datuk Sri Dr. Mahathir berkata penyerapan sikap ini bermula semenjak zaman penjajah lagi dan telah meningkat kerana sistem demokrasi memberi kuasa memilih kerajaan kepada rakyat.

"Jika perniagaan rugi, kerajaan mesti ada ganti-rugi, jika harga jualan jatuh,

kerajaan mesti beri subsidi, jika harga barang naik atau inflasi berlaku, kerajaan mesti tambahkan gaji dan kurangkan cukai.

"Oleh kerana kepercayaan bahawa segala malapetaka yang menimpa diri harus diatasi oleh kerajaan maka 'resilience' atau ketahanan rakyat sudahpun lumpuh," tegasnya.

Beliau kemudian berkata, sebenarnya kelemahan yang terdapat di kalangan rakyat sekarang ini boleh diatasi. Apa yang diperlukan ialah perubahan sikap, perubahan ke arah mewujudkan rakyat yang lebih rajin dan lurus, yang boleh berdikari, yang sanggup mempertahankan maruah.

"Untuk mencapai matlamat ini segala alat pelajaran dan pengetahuan adalah penting. Dan di antaranya ialah akhbar dan wartawan.

Saya yakin saudara-saudari bukan saja menganggap diri sebagai wartawan tetapi lebih dari itu — sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab.

"Saya juga yakin saudara-saudari ingin melihat negara ini dan rakyatnya maju dan hidup bahagia," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dalam banyak perkara beliau bersifat 'old-fashioned' terutama berkenaan patriotisme, berkenaan bekerja kuat, mengutamakan kepentingan umum dan lain-lain.

"Di zaman ini patriotisme dianggap kolot. Ramai dari anak Malaysia tidak segan-segan memburukkan nama Malaysia di luar negeri supaya dapat tepukan belakang dari orang Barat khususnya.

"Ramai yang mengangap kerajinan bekerja sebagai pengabdian kerana ini adalah fesyen di Barat. Ramai yang mengutamakan individu lebih daripada masyarakat sebagai tanda kebebasan.

"Walaupun dianggap kolot, saya masih percaya kepada nilai-nilai lama — kerana ada bukti-bukti yang jelas bahawa nilai-nilai lama ini membawa kebaikan kepada" pengamalannya," ujar beliau.

Perdana Menteri juga berjaya menarik perhatian para hadirin bila beliau berkata: "Apa yang telah saya perkatakan bukanlah sebagai nasihat Perdana Menteri tetapi adalah semata-mata rayuan dari seorang rakyat kepada saudara-saudari sebagai rakyat negara ini.

"Kita tinggal di negara ini, kita berlingung di negara ini. Tentulah wajar kita bersikap bertanggungjawab dan mencintai negara ini."

Ucapan beliau yang meyakinkan masa lebih setengah jam mendapat tepukan gemuruh para wartawan dan jemputan yang hadir.